



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN DAN PENCEN TURUNAN SECARA TUNAI
BAGI BULAN OKTOBER 2020**

Tarikh: 26HB OKTOBER 2020

1. Sukacita memaklumkan bahawa tarikh pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan secara **pandu lalu** (*drive-thru*) pada bulan Oktober 2020 adalah pada **hari Rabu, 28hb Oktober 2020** di tempat-tempat berikut:
 - 1.1 Bagi Daerah Brunei Muara, pembayaran akan dibuat di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa; dan
 - 1.2 Bagi Daerah Tutong, pembayaran akan dibuat di Dewan Kemasyarakatan, Tutong.
2. Manakala bagi Daerah Belait dan Temburong, pembayaran pencen akan dibuat di **kaunter**, Pejabat Jabatan Perbendaharaan.
3. Sehubungan dengan itu, pembayaran pencen akan bermula pada jam **7.30 pagi hingga 3.30 petang** pada tarikh berkenaan.
4. Memandangkan terdapat Cuti Kelepasan Awam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, pembayaran seterusnya akan dibuat pada **hari Sabtu, 31hb Oktober 2020** di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Daerah Brunei Muara dan di cawangan-cawangan Jabatan Perbendaharaan di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong selama 10 hari waktu bekerja.
5. Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sekali lagi ingin menyarankan agar para penerima yang mempunyai akaun bank tetapi belum mendaftarkannya ke Jabatan Perbendaharaan untuk membawa bersama salinan kad akaun bank berkenaan untuk proses pembayaran pencen bagi bulan berikutnya.

6. Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga memohon kerjasama penerima-penerima untuk mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa yang akan membantu dalam menyusun barisan kenderaan serta nasihat-nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk tidak datang secara berkumpulan, keluar dari kereta dan berkumpul di kawasan pembayaran menunggu giliran masing-masing dan seterusnya untuk bersurai setelah urusan selesai.

7. Jika ada sebarang pertanyaan ke atas tatacara pembayaran yang dimaksudkan, para penerima bolehlah menghubungi talian-talian yang telah disediakan iaitu 2380822/2383469.

Jabatan Perbendaharaan

Kementerian Kewangan dan Ekonomi